

**Pernyataan Penting
untuk Persidangan Bahasa Cina Peringkat Antarabangsa 2025**

Bab 5 hingga 8 dalam buku Roma boleh dipanggil inti sari Bible yang menunjukkan seluruh temanya dengan cara yang konkret dan terperinci; kata-kata *hayat* dan *maut* membentuk dua garis yang berlawanan sepanjang bab 5—8, menunjukkan bahawa manusia berada dalam keadaan tiga penjuru, di antara Tuhan dan Syaitan, hayat dan maut.

**Apabila kita menikmati Kristus dalam penderitaan kita,
kita diselamatkan dalam hayat-Nya
untuk menyempurnakan matlamat organik
dalam penyelamatan dinamik Tuhan,
iaitu menghasilkan dan membina Tubuh Kristus yang organik
yang diekspresikan dalam gereja-gereja lokal,
iaitu tempat kita menikmati kurnia Tuan yang kaya
dan tempat Tuhan damai sejahtera menghancurkan Syaitan
di bawah kaki kita demi ekspresi-Nya yang mulia
dan demi pameran kemenangan-Nya**

**Roma 8 adalah berkenaan Roh beri-hayat yang almuhit sebagai konsumasi muktamad Tuhan Tritunggal;
Roh ini akan menjadikan kita sama sepenuhnya dengan Kristus
dalam hayat, sifat, dan ekspresi.**

**Garis Kasar Mesej
untuk Persidangan Bahasa Cina Peringkat Antarabangsa
14-16 Februari 2025**

**SUBJEK AM:
BAB 5 HINGGA 8 DALAM BUKU ROMA—
INTI SARI BIBLE**

Mesej Satu

**Garis Hayat dan Garis Maut
dalam Bab 5 hingga 8 dalam Buku Roma**

Bacaan Bible: Roma 5:10, 12, 14, 17-18, 21; 6:4, 9, 16, 21-23; 7:5, 10, 13, 24; 8:2, 6, 10-11, 38

I. Bab 5 hingga 8 dalam buku Roma boleh dipanggil inti sari Bible yang menunjukkan seluruh temanya dengan cara yang konkret dan terperinci:

- A. Dua kata kunci ini—*hayat* dan *maut*—disebut secara berulang kali dalam Roma 5 hingga 8; hayat (5:10, 17-18, 21; 6:4, 22-23; 7:10; 8:2, 6, 10-11, 38) dan maut (5:12, 14, 17, 21; 6:9, 16, 21, 23; 7:5, 10, 13, 24; 8:2, 6, 10-11, 38) membentuk dua garis yang berlawanan sepanjang bab 5—8, iaitu garis hayat dan garis maut; ini menunjukkan bahawa manusia berada dalam keadaan tiga penjuru, di antara Tuhan dan Syaitan, hayat dan maut.
 - B. Pohon hayat dan pohon pengetahuan (pohon maut) menghasilkan dua garis—garis hayat dan garis maut—yang merentasi seluruh Bible dan berakhir dalam buku Wahi; hayat bermula dengan pohon hayat (Kej. 2:9) dan berakhir dalam Yerusalem Baru yang merupakan kota air hayat yang mempunyai pohon hayat (Wahi 22:1-2), cahaya hayat (21:23; 22:5), dan kemuliaan hayat (21:10-11, 23); maut bermula dengan pohon pengetahuan (Kej. 2:17) dan berakhir dengan tasik api (Wahi 20:10, 14).
 - C. Makan pohon hayat, iaitu menikmati Kristus sebagai bekalan hayat kita, harus menjadi perkara utama dalam kehidupan gereja (Kej. 2:9, 16; Wahi 2:7); isi kandungan kehidupan gereja bergantung pada kenikmatan terhadap Kristus; lebih banyak kita menikmati-Nya, lebih kayalah isi kandungan kehidupan gereja.
 - D. Namun bagi kita menikmati Kristus, kita perlu mengasihi-Nya dengan kasih pertama; jika kita meninggalkan kasih pertama kita terhadap Tuan, kita akan kehilangan kenikmatan terhadap Kristus dan kehilangan kesaksian Yesus; akibatnya, kaki pelita akan diambil daripada kita—ay. 4-7.
 - E. Memulihkan kasih pertama bererti mengambil Tuan Yesus sebagai yang pertama dalam segala sesuatu; jika kita mengambil Kristus sebagai segala-gala dalam kehidupan kita, ini bermaksud bahawa kita jayeng atas kehilangan kasih pertama—Kol. 1:18b; Yoh. 14:21, 23; Mzm. 90:1; 91:1; Flp. 3:13-14.
 - F. Pembicaraan Tuan kepada gereja di Efesus boleh disimpulkan dengan empat perkataan penting—*kasih, hayat, cahaya, dan kaki pelita*; kita harus memberi Tuan Yesus tempat pertama dalam setiap aspek dan dalam segala hal untuk memulihkan kasih pertama; dengan demikian, kita akan menikmati Dia sebagai pohon hayat, dan dengan serta-merta hayat ini akan menjadi cahaya hayat (Yoh. 8:2); kemudian, kita akan bersinar dalam kehidupan harian kita dan juga bersinar secara korporat sebagai kaki pelita (Wahi 2:1-7).
 - G. Keadaan jahat orang durjana ialah mereka tidak datang kepada Tuan untuk makan dan menikmati Tuan (bd. Yes. 55:1-2, 6-7; 57:20-21); mereka melakukan banyak perkara, namun mereka tidak datang menghubungi Tuan, mengambil-Nya, menerima-Nya, mengecap-Nya, dan menikmati-Nya; di mata Tuhan, tidak ada apa-apa yang lebih jahat daripada ini (Yer. 2:13).
- II. Hari ini percayawan ialah miniatur Taman Eden—Tuhan sebagai pohon hayat berada dalam rohnya, Syaitan sebagai pohon pengetahuan berada**

dalam tubuh dagingnya, dan mindanya berada di tengah-tengah; kita sama ada berada dalam roh atau dalam tubuh daging; tidak ada tempat ketiga untuk kita; inilah sebabnya kita harus meletakkan minda kita pada roh—Roma 8:6:

- A. Tubuh manusia pada asalnya adalah suci, namun menerusi kejatuhan manusia, Syaitan menyuntikkan dirinya ke dalam manusia, maka tubuh manusia telah menjadi tubuh daging—Kej. 3:6; Roma 7:18a:
 - 1. Tubuh kita ialah “tubuh dosa” (6:6) dan “tubuh kepunyaan maut ini” (7:24); tubuh dosa sangat aktif dan penuh dengan kekuatan dalam hal berbuat dosa terhadap Tuhan, tetapi tubuh kepunyaan maut ini lemah dan tidak berdaya dalam hal bertindak untuk diperkenan Tuhan (ay. 18).
 - 2. Selagi kita masih hidup, tubuh dosa dan maut sentiasa bersama dengan kita hingga hari penebusan kita—bd. 8:23.
 - 3. Tubuh daging ialah “dewan perhimpunan” dan sebatian bagi dosa, maut, dan Syaitan; tubuh daging tidak mungkin dapat dirawati, dan sama sekali tidak dapat diperbaiki—7:17-18, 21; bd. Yoh. 17:15.
- B. Demi ekonomi Tuhan, dalam kearifan dan kemahatentuan-Nya, Dia menggunakan tubuh daging kita yang berdosa dan hodoh itu untuk memaksa kita berpaling kepada roh kita agar melalui pertumbuhan Tuhan dalam kita, kita memperoleh lebih banyak Roh itu untuk pembinaan-Nya—Kol. 2:19; Za. 4:6:
 - 1. Dari segi judisial, Syaitan dan tubuh daging kita telah dikutuk sekali buat selama-lamanya di atas salib (Roma 8:3; Yoh. 3:14; Ibr. 2:14; 2 Kor. 5:21), namun Tuhan membenarkan tubuh daging kekal ada pada kita untuk membantu kita dan memaksa kita berpaling kepada Kristus dalam roh kita dan tidak lagi berkeyakinan pada tubuh daging (Flp. 3:3).
 - 2. Tanpa bantuan daripada tubuh daging yang berdosa dan hodoh itu, kita tidak akan menjadi terdesak untuk memperoleh Tuan atau membenarkan Dia digarapkan ke dalam diri kita—Roma 7:24-25; 8:2, 6, 13.
 - 3. Matlamat kita mungkin ialah menjadi kudus, rohani, atau jayeng, tetapi matlamat Tuhan ialah menggarapkan diri-Nya ke dalam kita untuk menjadikan kita mulia; sering kali, apabila kita berada dalam keadaan yang sukar, kita lebih terbuka kepada Tuan dan lebih rela berpaling kepada-Nya serta membenarkan Dia menggarapkan diri-Nya ke dalam kita—ay. 28-29; Ef. 5:27.
 - 4. Jika kita mencari-Nya, sebatian tubuh daging yang berdosa ini pun akan menjadi bantuan kepada kita untuk beroleh Tuan; disebabkan kita selalu gagal, kita terdesak untuk masuk ke dalam roh, dan dengan cara ini, kita beroleh lebih banyak Roh itu—bd. Kel. 23:23, 29-30; Hak. 2:21—3:4.
 - 5. Kesusahan, kekalahan, kegagalan, dan kekecewaan kita memaksa kita menyedari bahawa tubuh daging langsung tidak ada harapan; tubuh daging hanya berguna untuk memaksa kita berpaling kepada Kristus dalam roh kita, memaksa kita masuk ke dalam roh, membuat kita terdesak untuk berpaling kepada roh, dan membuat kita berjaga-jaga agar terus berada dalam roh—Mat. 26:41; Ef. 6:17-18.
 - 6. Tuan tidak mementingkan sama ada kita jayeng atau tidak; Tuan hanya mementingkan satu perkara—kita beroleh Kristus sebagai Roh itu dengan menetapkan minda kita pada roh —Flp. 3:8; 2 Kor. 3:17-18; Roma 8:6.

III. Dalam Roma 5 kita berada dalam Adam, dalam Roma 6 kita berada dalam Kristus, dalam Roma 7 kita berada dalam tubuh daging, dan dalam Roma 8 kita berada dalam roh; Adam dalam bab 5 dialami dalam tubuh daging dalam bab 7, dan Kristus dalam bab 6 dialami dalam roh dalam bab 8:

- A. Kita percayawan dalam Kristus mempunyai perpindahan dari segi hakikat dan kedudukan dari Adam menerusi kematian Kristus dan ke dalam Kristus menerusi kebangkitan-Nya—6:3-8:

1. Dalam Adam kita mewarisi dosa, yang mengkonstitusikan kita sebagai pendosa (5:12a, 19a); kita mewarisi maut, yang dari satu segi melemahkan kita, menyebabkan kita tidak berdaya untuk melakukan hal yang diperkenan Tuhan, dan dari segi yang lain meraja atas kita (ay. 12b, 14a, 17a); dan kita mewarisi pengutukan di bawah hukum yang membawa kepada maut (ay. 16a).
 2. Dalam Kristus kita dikurniai keadilbenaran, hayat, dan justifikasi di bawah kurnia yang membawa kepada hayat, yang dalamnya kita meraja atas segala sesuatu bersama dengan kurnia—ay. 17b, 18b, 21.
- B. Kita percayawan dalam Kristus mempunyai perpindahan dari segi praktikal dan pengalaman dari tubuh daging (Adam yang praktikal dan boleh dialami) menerusi kita disalibkan bersama dengan Kristus (6:6; Gal. 2:20) dan ke dalam Roh itu (Kristus yang praktikal dan boleh dialami) menerusi penyatuan organik kita dengan Kristus yang merupakan hukum Roh hayat (Roma 8:2, 16a; 1 Kor. 6:17).
- C. Kristus sendiri ialah hayat Tuhan, hayat abadi (Yoh. 14:6a; 11:25; 1 Yoh. 1:2); Dia datang agar kita beroleh hayat dan berolehnya secara berlimpah-limpah (Yoh. 10:10b); Dia melalui kematian yang membebaskan hayat dan masuk ke dalam kebangkitan yang mendispenkan hayat (12:24) agar menjadi Roh ber-hayat (1 Kor. 15:45b) yang merupakan hukum Roh hayat (Roma 8:2), memberi hayat kepada roh kita, minda kita, dan tubuh kita yang akan mati supaya kita dapat menjadi orang yang ditelan oleh hayat untuk meministerkan hayat kepada orang lain (ay. 10, 6, 11; 2 Kor. 5:4; 1 Yoh. 5:16a; Yoh. 6:63; Kis. 5:20).
- IV. Untuk kita kekal berada di garis hayat, kita harus mengambil jalan menikmati Kristus sebagai pohon hayat; lihatlah persekutuan penting yang berikut daripada Dikbang Lee:

**MENGAMBIL JALAN MENIKMATI KRISTUS
SEBAGAI POHON HAYAT—
PERSEKUTUAN PENTING DARIPADA DIKBANG LEE**

“Pada bulan Mei 1943...saya menghidap penyakit batuk kering yang sangat teruk...Dalam masa dua tahun setengah saya sakit, saya melihat pohon hayat. Sepanjang dua tahun setengah itu saya melihat bahawa dalam pemulihan Tuan dan dalam kerja-Nya, kita kekurangan hayat. Setiap jenis masalah, tidak kira apa-apa masalah pun, berpunca daripada kekurangan hayat. Apabila saya melihat butir ini, saya penuh sesal sekali. Saya banyak mengaku dosa dan bertaubat secara tuntas di hadapan Tuan; saya juga banyak menanggulangi diri di hadapan-Nya...Mesej-mesej berkenaan pohon hayat telah menyelamatkan banyak pekudus dan juga membebaskan banyak dikbang dan dikkak di Nanking. Disebabkan pergolakan selama empat tahun dalam gereja di Shanghai, para pekudus sudah bertahun-tahun berasa tawar hati dan tertekan serta tidak dapat berbuat apa-apa. Mesej-mesej ini membebaskan roh mereka dan mencahayai hati mereka...Saya bersyukur kepada Tuan kerana menerusi mesej-mesej berkenaan pohon hayat, gereja di Shanghai telah disembuhkan...Mesej-mesej berkenaan pohon hayat telah meletakkan asas untuk kepulihbangkitan gereja di Shanghai”—*The History and Revelation of the Lord’s Recovery*, jil. 1, m.s. 130, 133, 135, 138.

“Jika kita ingin mengambil jalan menikmati Tuhan, konsep kita harus berubah...Jika kita ingin memasuki realiti menikmati Tuhan, kita harus melihat visi yang menguasai...Ketika saya berusia empat puluh tahun, barulah Tuan mewahikan jalan menikmati-Nya kepada saya. Saya berasa kecewa kerana selama dua puluh tahun, kebanyakan masa dan tenaga saya telah dibazirkan. Kebanyakan doa saya tidak bernilai, dan masa yang saya habiskan untuk membaca Bible dan buku-buku rohani yang lain juga tidak bernilai. Pada saat inilah saya menyedari bahawa cara kita bekerja adalah salah dan cara pengeajaran rohani kita juga salah.”

“Oleh sebab saya mengalami kerugian besar kerana mengambil jalan yang salah, saya tidak mahu orang lain mengulangi kesilapan yang sama. Saya berharap agar orang lain dapat mengambil jalan menikmati Tuhan. Saya merayu kepada para pekudus agar jangan lagi mengambil jalan yang salah. Kita harus mempertimbangkan jalan pengeajaran kita yang dahulu. Kita perlu mempunyai perubahan konsep secara drastik. Kita perlu mempunyai visi yang menguasai”—*The Vision of the Tree of Life and the Tree of the Knowledge of Good and Evil*, m.s. 51.

Mesej Dua

Hasil daripada Justifikasi Kita—

Kenikmatan Penuh terhadap Tuhan dalam Kristus sebagai Hayat Kita

Bacaan Bible: Roma 5:1-11

- I. Justifikasi ialah tindakan Tuhan untuk mengujiluluskan kita menurut standard keadilbenaran-Nya; keadilbenaran percayawan bukan keadaan yang dimiliki mereka dalam diri mereka tetapi merupakan satu persona; mereka disatukan dengan persona ini, iaitu Kristus sendiri yang hidup:**
 - A. Apabila kita percaya ke dalam Kristus, kita menerima pengampunan Tuhan (Kis. 10:43), dan Tuhan dapat menjustifikasi kita (Roma 3:24, 26) dengan menjadikan Kristus keadilbenaran kita dan dengan memakaikan Kristus pada kita sebagai jubah keadilbenaran kita (Yes. 61:10; Luk. 15:22; Yer. 23:6; Za. 3:4).
 - B. Hayat ialah matlamat penyelamatan Tuhan; oleh yang demikian, justifikasi ialah justifikasi “hayat”; menerusi justifikasi kita telah mencapai standard keadilbenaran Tuhan dan berpadanan dengannya supaya kini Dia dapat menyalurkan hayat-Nya ke dalam kita—Roma 5:18.
- II. Hasil justifikasi kita ialah kenikmatan penuh terhadap Tuhan dalam Kristus sebagai hayat kita—ay. 1-11:**
 - A. Hasil justifikasi kita terjadad dalam enam perkara yang ajaib—kasih (ay. 5), kurnia (ay. 2), perdamaian (ay. 1), harapan (ay. 2), hayat (ay. 10), dan kemuliaan (ay. 2)—untuk kenikmatan kita; ayat-ayat ini juga mewahikan Tuhan Tritunggal—Roh Kudus (ay. 5), Kristus (ay. 6), dan Tuhan (ay. 11)—untuk kenikmatan kita.
 - B. Menerusi kematian Kristus yang menebus, Tuhan telah menjustifikasi kita, yakni pendosa, dan memperdamaikan kita, yakni musuh-Nya, dengan diri-Nya (ay. 1, 10-11); tambahan pula, “kasih Tuhan telah dicurahkan ke dalam hati kita menerusi Roh Kudus yang diberi kepada kita” (ay. 5):
 1. Meskipun kita mungkin sengsara, miskin, dan tertekan, namun kita tidak dapat menafikan kasih Tuhan ada dalam kita; untuk kekal berada di garis hayat, iaitu Kristus sendiri (Yoh. 14:6a), kita perlu memelihara diri kita dalam kasih Tuhan (Yud. 20-21), iaitu Tuhan sendiri (1 Yoh. 4:8, 16).
 2. Kita perlu mengobarkan roh kasih yang diberikan Tuhan supaya kita mempunyai roh kasih yang membara-baru untuk jayeng atas kejatuhan gereja hari ini; mengobarkan roh kita bererti memupuk tabiat melatih roh kita secara berterusan agar kita dapat kekal menghubungi Tuan yang merupakan Roh itu dalam roh kita—2 Tim. 1:6-7; 4:22.
 - C. “Kita beroleh jalan masuk melalui iktikad ke dalam kurnia ini; dalam kurnia ini kita berdiri” (Roma 5:2); memandangkan kita telah dijustifikasi melalui iktikad dan berdiri dalam alam kurnia, “kita mempunyai perdamaian terhadap Tuhan menerusi Tuan kita Yesus Kristus” (ay. 1):
 1. Mempunyai perdamaian “terhadap” Tuhan bermaksud bahawa perjalanan kita ke dalam Tuhan menerusi kita dijustifikasi berasaskan iktikad belum selesai lagi, dan kita masih dalam perjalanan ke dalam Tuhan; menurut Lukas 7, Tuan Yesus berkata kepada perempuan yang berdosa itu, yang “banyak... mengasih” kerana dia telah banyak diampuni (ay. 47-48) untuk diselamatkan, agar “pergilah ke dalam damai” (ay. 50, lit.).
 2. Sebaik sahaja kita masuk melalui pintu justifikasi, kita perlu berjalan di jalan damai sejahtera (Roma 3:17); apabila kita meletakkan minda kita pada roh—dengan menjaga roh kita, menggunakan roh kita, memberi perhatian kepada roh kita, menghubungi Tuhan melalui roh kita dalam penyatuan dengan Roh Tuhan, serta bergerak-hidup dan hidup dalam roh kita—minda

kita menjadi damai sejahtera untuk memberi kita perasaan dalaman yang penuh rehat, bebas, terang, dan lipur (8:6).

III. Dalam alam kurnia, kita mempunyai Tuhan sebagai kemegahan dan sorakan untuk kenikmatan dan kegirangan kita; bermegah dalam Tuhan juga bererti “bermegah dalam kesengsaraan kita, kerana mengetahui bahawa kesengsaraan menghasilkan kesabartahanan; kesabartahanan, sifat teruji lulus; dan sifat teruji lulus, harapan”—5:3-4, 11:

- A. Kesengsaraan sebenarnya ialah inkarnasi kurnia dan kunjungan manis kurnia; menolak kesengsaraan bererti menolak kurnia, iaitu Tuhan sebagai bahagian kita untuk kenikmatan kita; kurnia terutamanya mengunjungi kita dalam bentuk kesengsaraan yang melaluinya Tuhan menyebabkan segala sesuatu (semua orang, perkara, situasi, keadaan, dan sekitaran) bekerja bersama demi kebaikan, iaitu kita memperoleh lebih banyak Kristus agar Dia digarapkan ke dalam diri kita, supaya kita dapat ditransform secara metabolik dan dikonform kepada imej Kristus dan supaya kita dapat dibawa ke dalam keanakan penuh—2 Kor. 12:7-9; Roma 8:28-29.
- B. Kesengsaraan menghasilkan kesabartahanan, dan kesabartahanan menghasilkan sifat teruji lulus, iaitu perwatakan yang telah diuji dan nilai yang teruji lulus (Flp. 2:19-22); Paulus mengatakan bahawa dia dan rakan sekerjanya telah “diujiluluskan Tuhan untuk diamanahkan dengan injil” (1 Tes. 2:4); Tuhan menguji lulus, memeriksa, menguji hati mereka secara berterusan supaya pemberitaan injil mereka bukan daripada mereka sendiri untuk diperkenan manusia tetapi daripada Tuhan untuk diperkenan-Nya:
1. Satu Petrus 1:7 mengatakan bahawa pengujilulusan iktikad kita adalah “jauh lebih berharga daripada emas yang boleh musnah meskipun diuji dengan api”, iaitu api cubaan dan penderitaan; apabila emas mentah menderitai pembakaran api yang memurnikan, emas itu memperoleh kualiti yang mudah diujiluluskan oleh semua orang—Mal. 3:3.
 2. Tuan menghendaki kita membayar harga untuk beroleh Dia yang merupakan iktikad emas menerusi cubaan berapi supaya kita dapat berbahagian dalam emas benar, iaitu Kristus sendiri sebagai hayat divin berserta sifat divin untuk membina Tubuh-Nya; oleh itu, kita dapat menjadi kaki pelita emas tulen demi pembinaan Yerusalem Baru emas—Wahi 3:18; 1:20; 21:18, 23; 2 Ptr. 1:4.
 3. Sesetengah pekudus yang mengasihi Tuan menganggap bahawa mereka layak bekerja untuk Tuan kerana mereka mempunyai tahap hayat dan cahaya yang tertentu, tetapi mereka adalah mentah dan kekurangan kualiti pengujilulusan, iaitu kualiti yang teruji lulus hasil daripada bersabar-tahan terhadap kesengsaraan dan ujian; kualiti ini membolehkan orang yang diminister berasa gembira, manis, dan selesa.
 4. Kita semua harus berdoa, “Tuan, berilah aku sifat teruji lulus”; kemudian Tuan akan membangkitkan sekitaran yang akan menghasilkan sifat teruji lulus untuk kita; meskipun kita abdi Kristus, namun kita kekurangan sifat teruji lulus; hal ini menyusahkan Tuhan, merosakkan kita, dan juga mengganggu pekudus serta keluarga Tuhan; melalui cahaya kita dan kurniaan kita, kita membantu pekudus, tetapi disebabkan kekurangan sifat teruji lulus, kita mencederakan mereka—Mat. 24:45-51.
- C. Bersama dengan pengujilulusan, kita ada harapan (Roma 5:4), dan kita bermegah kerana kemuliaan Tuhan (ay. 2):
1. Walaupun kita berdiri dalam kurnia dan bergerak-hidup dalam perdamaian, namun kita belum berada dalam kemuliaan sepenuhnya, iaitu Tuhan sendiri diekspresikan; “kesengsaraan kami yang sementara lagi ringan mengerjahasilkan bagi kami, dengan lebih melangkau lagi, kemuliaan yang abadi lagi berat”—2 Kor. 4:17.

2. Tuhan segala kurnia telah memanggil kita ke dalam kemuliaan abadi-Nya dalam Kristus Yesus; di sini dan kini kita sedang menikmati Kristus, yang huni dalam roh kita, sebagai harapan kemuliaan kita—1 Ptr. 5:10; 1 Tes. 2:12; Kol. 1:27; Flp. 3:21.
 3. Tuan sedang memimpin kita, anak-Nya yang banyak, masuk ke dalam kemuliaan dengan menguduskan kita setiap hari (Ibr. 2:10-11), dan kita di-transform setiap hari daripada satu darjah kemuliaan kepada darjah yang lain dengan mengekalkan hati kita berpaling kepada Tuan untuk menatap kemuliaan Tuhan di muka Jesus Kristus (2 Kor. 3:16-18; 4:6b).
- D. Apabila kita menikmati Kristus dalam penderitaan kita, kita diselamatkan dalam hayat-Nya untuk menyempurnakan matlamat organik dalam penyelamatan dinamik Tuhan, iaitu menghasilkan dan membina Tubuh Kristus yang organik yang diekspresikan dalam gereja-gereja lokal, iaitu tempat kita menikmati kurnia Tuan yang kaya dan tempat Tuhan damai sejahtera menghancurkan Syaitan di bawah kaki kita demi ekspresi-Nya yang mulia dan demi pameran kemenangan-Nya—Roma 5:10; 12:5; 16:1, 4-5, 16, 20.

Mesej Tiga

Rupa Bentuk Kematian dan Kebangkitan Kristus

Bacaan Bible: Roma 6:3-5; 5:17; Gal. 3:27

- I. “Kita semua yang telah dibaptis ke dalam Kristus Yesus telah pun dibaptis ke dalam kematian-Nya”—Roma 6:3:**
- A. Baptisan bukanlah suatu upacara atau ritual, tetapi menandakan persepaduan kita dengan Kristus—ay. 3.
 - B. Menerusi baptisan, kita dibenam ke dalam Kristus, mengambil Dia sebagai alam kita supaya kita dapat bersatu dengan-Nya dalam kematian dan kebangkitan-Nya.
 - C. Kita dilahirkan dalam alam Adam, iaitu manusia pertama (1 Kor. 15:45, 47), tetapi menerusi baptisan kita dipindahkan ke dalam alam Kristus (1:30; Gal. 3:27), iaitu manusia kedua (1 Kor. 15:47).
 - D. Apabila kita dibaptis ke dalam Kristus, kita dibaptis ke dalam kematian-Nya —Roma 6:3.
 - E. Kematian-Nya telah mengasingkan kita daripada dunia dan kuasa kegelapan kesyaitanan, menamatkan hayat alamiah kita, sifat lama kita, diri kita, tubuh daging kita, malah seluruh sejarah kita.
- II. “Oleh itu, kita telah dikebumikan bersama dengan-Nya menerusi baptisan ke dalam kematian-Nya, supaya sebagaimana Kristus telah dibangkitkan daripada yang mati menerusi kemuliaan Bapa, begitu juga kita dapat bergerak-hidup dalam kebaruan hayat”—ay. 4:**
- A. Manusia lama kita telah disalibkan bersama dengan Kristus (ay. 6) dan dikebumikan bersama dengan-Nya menerusi baptisan ke dalam kematian.
 - B. Dalam alam semula jadi, seseorang mati dahulu, kemudian dikebumikan, tetapi kata-kata Paulus menunjukkan bahawa dalam alam rohani, kita dikebumikan dahulu, kemudian mati.
 - C. Kita tidak mati secara langsung; kita masuk ke dalam kematian Kristus menerusi baptisan.
 - D. Kristus dan kematian-Nya adalah satu.
 - E. Di luar Kristus, kita tidak mungkin dibaptis ke dalam kematian-Nya, kerana elemen kematian-Nya yang berkesan itu hanya terdapat dalam-Nya, iaitu Yang bangkit dan almuhit—bd. Yoh. 5:29; 11:24-25; Kis. 1:22; 2:31.
 - F. Kemuliaan Bapa dalam Roma 6:4 merujuk kepada manifestasi kedivinan.
 - G. Selepas baptisan, kita menjadi orang baru dalam kebangkitan—Flp. 3:10.
 - H. Kebangkitan bukan sahaja merupakan suatu keadaan pada masa hadapan, tetapi juga suatu proses yang sedang berlangsung.
 - I. Bergerak-hidup dalam kebaruan hayat bermakna bergerak-hidup pada hari ini dalam alam kebangkitan dan meraja dalam hayat—Roma 6:4; 5:17.
 - J. Kehidupan begini menanggulangi segala hal yang berasal daripada Adam dalam kita, hingga kita ditransform dan dikonform sepenuhnya kepada imej Kristus—12:2; 8:29.
- III. “Jika kita bertumbuh bersama dengan-Nya dalam rupa bentuk kematian-Nya, sesungguhnya kita juga akan berada dalam rupa bentuk kebangkitan-Nya”—6:5:**
- A. Bertumbuh bersama dengan-Nya menunjukkan suatu penyatuan organik; dalam penyatuan ini pertumbuhan berlaku agar satu pihak berbahagian dalam hayat dan ciri-ciri pihak yang lain—ay. 5a.
 - B. Dalam penyatuan organik dengan Kristus, apa-apa sahaja yang dilalui Kristus telah menjadi sejarah kita.

- C. Kematian dan kebangkitan-Nya kini menjadi milik kita kerana kita berada dalam-Nya dan bergabung dengan-Nya secara organik; inilah pencantuman—11:24.
- D. Pencantuman seperti ini menyingkirkan semua elemen negatif kita, membangkitkan fakulti-fakulti kita yang dicipta Tuhan, meninggikan fakulti-fakulti kita, memperkaya fakulti-fakulti kita, dan menepui seluruh diri kita bagi mentransform kita.
- E. Rupa bentuk kematian Kristus ialah baptisan yang disebut dalam Roma 6:4; rupa bentuk kebangkitan Kristus ialah kebaruan hayat yang disebut dalam ayat 4.
- F. *Dalam rupa bentuk kebangkitan-Nya* (ay. 5) bukan merujuk kepada kebangkitan objektif pada masa hadapan, tetapi merujuk kepada proses pertumbuhan yang sedang berlangsung.
- G. Semasa kita dibaptis, kita bertumbuh bersama dengan Kristus dalam rupa bentuk kematian-Nya; kini, menerusi kematian-Nya, kita bertumbuh ke dalam kebangkitan-Nya.
- H. Sebagaimana elemen kematian Kristus hanya terdapat dalam diri-Nya, begitu juga elemen kebangkitan Kristus hanya terdapat dalam Kristus sendiri; Dia sendiri ialah kebangkitan—Yoh. 11:25.
- I. Selepas mengalami baptisan yang wajar, kita terus bertumbuh dalam Kristus dan bersama dengan Kristus dalam rupa bentuk kebangkitan-Nya, iaitu bergerak-hidup dalam kebaruan hayat—Roma 6:4.

IV. “Banyak...yang dibaptis ke dalam Kristus”—Gal. 3:27:

- A. Terdapat empat aspek baptisan: dibaptis ke dalam nama Bapa, Anak, dan Roh (Mat. 28:19); dibaptis ke dalam Kristus (Gal. 3:27); dibaptis ke dalam kematian Kristus (Roma 6:3), dan dibaptis ke dalam Tubuh Kristus (1 Kor. 12:13).
- B. Baptisan membawa orang yang bertaubat keluar daripada keadaan lama mereka ke dalam keadaan baru, dengan menamatkan hayat lama mereka dan mencambangkan mereka dengan hayat baru Kristus dan dalam Kristus—Roma 8:2, 10.
- C. Baptisan terdiri daripada dua aspek—aspek yang dapat dilihat dan aspek yang tidak dapat dilihat:
 - 1. Aspek yang dapat dilihat adalah melalui air, dan aspek yang tidak dapat dilihat adalah melalui Roh Kudus—Kis. 2:38, 41; 10:44-48.
 - 2. Tanpa aspek yang tidak dapat dilihat yang melalui Roh itu, aspek yang dapat dilihat yang melalui air adalah sia-sia, dan tanpa aspek yang dapat dilihat yang melalui air, aspek yang tidak dapat dilihat yang melalui Roh itu adalah abstrak dan tidak praktikal; kedua-dua aspek diperlukan.
- D. Dibaptis ke dalam Tuhan Tritunggal bererti dibaptis ke dalam Kristus—Gal. 3:27:
 - 1. Kita ialah anak-anak Tuhan kerana kita berada dalam Kristus, dan kita berada dalam Kristus kerana kita telah dibaptis ke dalam Kristus—Roma 8:10, 14; Gal. 3:26; 4:7.
 - 2. Dibaptis ke dalam Kristus ialah jalan untuk berada dalam Kristus—3:27.
 - 3. Oleh sebab kita telah dibaptis ke dalam Kristus, kini kita menikmati penyatuhan organik dengan-Nya yang berupaya mentransform seluruh diri kita—Roma 12:2.
 - 4. Pada akhir Galatia bab 3, Paulus berakhir dengan kata-kata tentang dibaptis ke dalam Kristus dan memakai Kristus; hal ini amat bermakna—ay. 27.
 - 5. Hakikat bahawa Paulus berakhir dengan kata-kata tentang baptisan menunjukkan bahawa apa yang diliputi dalam bab ini hanya dapat dialami sekiranya kita dibaptis ke dalam Kristus dan memakai Kristus—ay. 27.
 - 6. Seberapa banyak yang dibaptis ke dalam Kristus telah memakai Kristus—ay. 27.

7. Kita telah dibaptis ke dalam Kristus, dan kini kita mempunyai Kristus menutupi kita.
8. Dari satu segi, dalam baptisan kita dibenam ke dalam Kristus; dari segi yang lain, dalam baptisan kita memakai Kristus.
9. Banyak daripada kita dapat bersaksi dengan kukuh bahawa kita telah dibaptis ke dalam Kristus dan bahawa kita memakai Dia sebagai pakaian kita, penutup kita—ay. 27.

Mesej Empat
Suami Baru

Bacaan Bible: Roma 7:2-6

I. Kristus ialah Suami baru—Roma 7:2-6:

- A. Sebagai orang yang dilahirukan, percayawan lelaki dan perempuan mempunyai Kristus sebagai Suami mereka dan merupakan sebahagian daripada isteri-Nya.
- B. Semua orang Kristian yang sejati mempunyai Kristus sebagai Suami mereka, namun sayangnya banyak yang tidak mengenali Dia sebagai Suami mereka.

II. Manusia lama kita, yakni suami lama, telah disalibkan:

- A. Ayat 2 hingga 4a menunjukkan dua suami:
 1. Suami pertama, suami lama, ialah manusia lama yang disebut dalam 6:6, yang telah disalibkan bersama dengan Kristus.
 2. Suami kedua, suami baru, yang disebut dalam 7:2-4, ialah Kristus.
- B. Memandangkan manusia lama kita, iaitu suami lama, telah disalibkan bersama dengan Kristus, maka kita dibebaskan daripada hukumnya dan disatukan kepada Suami baru, iaitu Kristus, Yang hidup selama-lamanya.
- C. Sebagai percayawan, kita mempunyai dua status:
 1. Yang pertama ialah status lama kita sebagai manusia lama yang jatuh, yang telah meninggalkan kedudukan asal sebagai seorang isteri yang bergantung pada Tuhan, lalu dengan sendiri mengambil kedudukan suami dan kepala, iaitu kedudukan yang merdeka daripada Tuhan.
 2. Yang kedua ialah status baru kita sebagai manusia baru yang telah dilahirukan, dibaik pulih kepada kedudukan kita yang asal dan wajar, iaitu sebagai isteri yang sejati kepada Tuhan, yang bergantung kepada-Nya dan mengambil Dia sebagai Kepala kita—Yes. 54:5; 1 Kor. 11:3.
 3. Kita tidak lagi mempunyai status seorang suami lama kerana kita telah disalibkan.
 4. Kini kita hanya mempunyai status baru seorang isteri yang wajar; dalam status ini kita mengambil Kristus sebagai Suami kita, dan kita tidak harus hidup menurut manusia lama, iaitu tidak lagi mengambil manusia lama sebagai suami kita.
- D. Oleh sebab hukum dimaksudkan untuk suami lama dan diberikan kepada suami lama, iaitu manusia lama, maka kematian manusia lama juga menjadikan kita mati terhadap hukum menerusi tubuh Kristus.

III. Manusia lama kita telah disalibkan terhadap hukum menerusi tubuh Kristus supaya kita dapat berkahwin dengan suami yang seorang lagi, iaitu Kristus, Dia yang telah dibangkitkan daripada yang mati—Roma 7:4a:

- A. Penyatuan ini menunjukkan bahawa dalam status baru kita sebagai seorang isteri, kita mempunyai penyatuan organik dari segi persona, nama, hayat, dan kewujudan bersama dengan Kristus dalam kebangkitan-Nya; kini kita sudah dikahwinkan dengan Kristus, Suami baru kita—2 Kor. 11:2.
- B. Oleh sebab Kristus ialah Suami kita, maka kita harus bergantung kepada-Nya dan mengambil Dia sebagai Kepala kita—Ef. 5:23:
 1. Mengambil Kristus sebagai Suami kita bermaksud menamatkan segala apanya kita, segala yang kita miliki, dan segala yang kita lakukan serta menaruh keyakinan kepada-Nya dalam segala hal.
 2. Mengambil Kristus sebagai Suami kita juga bermaksud bahawa kita percaya ke dalam Kristus.
 3. Kita tidak lagi harus hidup melalui diri kita tetapi hidup melalui Kristus; kita harus membiarkan Kristus hidup untuk kita.
 4. Kita bukan lagi suami; kita sebagai manusia lama telah disalibkan, dan Kristus kini ialah Suami kita.

- C. Kristus bukan sahaja Kepala kita—Dia juga persona dan hayat kita—Kol. 3:4.
- D. Apabila seseorang percaya dan dibaptis ke dalam Tuhan Tritunggal, dia dikaitkan dengan satu persona yang lain; ini bermaksud dia berkahwin dengan satu persona yang lain, iaitu Kristus.

IV. Sebagai isteri, kita berbuah bagi Tuhan—Roma 7:4b:

- A. Apabila kita berada dalam kebangkitan dan hidup terhadap Tuhan, kita berbuah bagi Tuhan.
- B. Sebagai seorang yang dilahirukan dan sebagai isteri, kita berbuah bagi Tuhan; ini bermaksud bahawa segala-gala yang kita lakukan sekarang adalah berkaitan dengan Tuhan.
- C. Di sini kita mempunyai perbezaan yang nyata antara maut dengan Tuhan.
- D. Frasa *berbuah bagi Tuhan* bermaksud bahawa Tuhan ialah buah yang kita hasilkan:
 1. Oleh itu, segala apanya kita dan segala yang kita lakukan harus merupakan Tuhan yang hidup.
 2. Kita harus menghasilkan Tuhan sebagai kelimpahan Tuhan; dengan itu, kita mempunyai Tuhan yang hidup sebagai buah kita, dan kita berbuah bagi Tuhan.

V. Kita telah mati terhadap hukum yang mengurung kita, supaya kita dapat dilepaskan daripadanya; kita sebagai isteri dan manusia baru tidak lagi berada di bawah hukum—ay. 6:

- A. Hukum menggambarkan Tuhan dan mentakrifkan Dia—Im. 19:2.
- B. Dengan itu, hukum mengenakan banyak permintaan dan tuntutan ke atas manusia jatuh; dengan melakukan ini, hukum mengenal pasti dosa-dosa dan membawa manusia kepada pengetahuan dosa—Roma 3:20; 4:15; 5:20.
- C. Dengan cara ini, manusia didedahkan dan ditundukkan oleh hukum—3:19.

VI. Sebagai isteri, kita juga harus melayan Tuan dalam kebaruan roh, bukan dalam kelamaan huruf—7:6:

- A. Dalam 6:4 terdapat kebaruan hayat untuk kehidupan kita, dan dalam 7:6 terdapat kebaruan roh untuk pelayanan kita:
 1. Kebaruan hayat dihasilkan daripada persepaduan kita dengan kebangkitan Kristus, dan adalah untuk kita bergerak-hidup dalam kehidupan harian kita.
 2. Kebaruan roh terhasil daripada pelepasan daripada hukum dan penyatuhan dengan Kristus yang bangkit, dan adalah untuk kita melayan Tuhan.
 3. Kebaruan roh dan kebaruan hayat merupakan hasil daripada penyaliban manusia lama.
- B. Kebaruan hayat dan kebaruan roh berkaitan dengan Roh itu:
 1. Kebaruan hayat berkaitan dengan Kristus sendiri dalam kebangkitan-Nya, yang merupakan Roh beri-hayat—1 Kor. 15:45b.
 2. Roh dalam frasa *kebaruan roh* merujuk kepada roh insani kita yang dilahirukan, yang dihuni Tuan sebagai Roh itu—2 Tim. 4:22:
 - a. Kita dapat melayan dalam kebaruan roh kerana Tuhan telah memperbarui roh kita.
 - b. Segala-gala yang berkaitan dengan roh kita yang dilahirukan adalah baru.
 - c. Roh kita yang dilahirukan itu ialah sumber kebaruan kerana Tuan, hayat Tuhan, dan Roh Kudus ada di sana.
 - d. Segala-gala dalam roh kita yang dilahirukan adalah baru; dalam roh kita yang dilahirukan tidak ada apa-apa melainkan kebaruan.
- C. Kita perlu menyedari bahawa kita yang merupakan manusia baru telah dibebaskan daripada hukum manusia lama dan telah dikahwinkan dengan Suami baru kita, yakni Kristus yang bangkit, supaya kita dapat berbuah bagi Tuhan dan melayan Tuan dalam kebaruan roh.

Mesej Lima
Kristus yang Huni Secara Dalaman

Bacaan Bible: Roma 8:9-11, 28-29

- I. **Roma 8 boleh dianggap sebagai fokus seluruh Bible dan pusat alam semesta; oleh itu, jika kita mengalami Roma 8, kita berada dalam pusat alam semesta.**
- II. **Roma 8 bukan bab tentang doktrin tetapi bab tentang pengalaman; Roma 8 bukan membicarakan doktrin berkenaan Triniti, tetapi Triniti dalam pengalaman kehidupan orang Kristian.**
- III. **Roma 8 mewahikan Tuhan Tritunggal yang terproses sebagai hukum Roh hayat memberi hayat divin kepada percayawan untuk kehidupan mereka —ay. 2, 6, 10-11, 26-29.**
- IV. **Roma 8 adalah berkenaan Roh beri-hayat yang almuhit sebagai konsumasi muktamad Tuhan Tritunggal; Roh ini akan menjadikan kita sama sepenuhnya dengan Kristus dalam hayat, sifat, dan ekspresi; inilah Roma 8.**
- V. **“Kamu bukan dalam tubuh daging, sebaliknya dalam roh, jika sesungguhnya Roh Tuhan huni dalam kamu”—ay. 9a:**
 - A. Bab ini menyingkapkan kepada kita bagaimana Tuhan Tritunggal—Bapa (ay. 15), Anak (ay. 3, 29, 32), dan Roh (ay. 9, 11, 13-14, 16, 23, 26)—mendispenskan diri-Nya sebagai hayat (ay. 2, 6, 10, 11) ke dalam kita, manusia tripartit—roh, sukma, dan tubuh—untuk menjadikan kita para anak-Nya (ay. 14-15, 19, 23, 29, 17) bagi mengkonstitusikan Tubuh Kristus (12:4-5).
 - B. Jika kita membenarkan Roh Tuhan Tritunggal berumah dalam kita, maka dalam pengalaman kita, kita berada dalam roh dan tidak lagi berada dalam tubuh daging.
 - C. Jika kita adalah sedemikian, Tuhan Tritunggal sebagai Roh itu dapat menyebar dari roh kita (8:10) ke dalam sukma kita yang diwakili oleh minda kita (ay. 6), dan akhirnya Dia akan memberi hayat kepada tubuh kita yang akan mati (ay. 11).
- VI. **“Namun, jika sesiapa tidak mempunyai Roh Kristus, dia bukan kepunyaan-Nya”—ay. 9b:**
 - A. Ini menunjukkan bahawa hal kita kepunyaan Kristus adalah bergantung pada Roh-Nya.
 - B. Jika tidak ada Roh Kristus, atau jika Kristus bukan Roh itu, maka tidak ada jalan bagi kita digabungkan kepada-Nya dan menjadi milik-Nya.
 - C. Namun begitu, Kristus ialah Roh itu (2 Kor. 3:17), dan Dia berada dalam roh kita (2 Tim. 4:22) dan adalah satu roh dengan kita (1 Kor. 6:17).
 - D. Roh Tuhan dan Roh Kristus bukanlah dua Roh, tetapi satu.
 - E. Paulus menggunakan gelaran-gelaran ini secara bertukar ganti; ini menunjukkan bahawa Roh hayat yang huni secara dalaman dalam Roma 8 ayat 2 ialah Roh beri-hayat yang almuhit bagi seluruh Tuhan Tritunggal.
 - F. Tuhan, Roh itu, dan Kristus semuanya disebut dalam ayat 9.
 - G. Yang berada dalam kita bukanlah tiga tetapi hanya satu, iaitu Roh tritunggal bagi Tuhan Tritunggal—Yoh. 4:24; 2 Kor. 3:17; Roma 8:11.
- VII. **“Sebaliknya, jika Kristus berada dalam kamu, meskipun tubuh adalah mati akibat dosa, tetapi roh ialah hayat kerana keadilbenaran”—ay. 10:**
 - A. “Kristus...dalam kamu” ialah butir yang penting dalam buku Roma:
 1. Dalam bab 3, Kristus berada di atas salib, menumpahkan darah-Nya untuk menebus kita.
 2. Dalam bab 4, Kristus berada dalam kebangkitan.

3. Dalam bab 6, kita berada dalam Kristus .
 4. Dalam bab 8, Kristus ialah Roh itu dalam kita.
- B. Sebelum kita percaya kepada Tuan, roh kita di dalam adalah mati dan tubuh kita di luar adalah hidup.
- C. Sekarang kita mempunyai Kristus dalam kita, walaupun tubuh kita di luar adalah mati akibat dosa, tetapi roh kita di dalam ialah hayat kerana keadilbenaran.
- D. Kedatangan Kristus sebagai hayat ke dalam kita mendedahkan keadaan tubuh kita yang mati.
- E. Dalam roh kita terdapat Kristus Roh itu sebagai keadilbenaran, dan hasilnya ialah hayat; tetapi dalam tubuh daging kita terdapat Syaitan sebagai dosa, dan hasilnya ialah maut.
- F. Menerusi kejatuhan manusia, dosa yang membawa maut bersama-sama telah memasuki tubuh manusia, menyebabkan tubuh itu mati dan tidak berdaya dalam hal-hal Tuhan:
1. Walaupun Tuhan mengutuk dosa dalam tubuh daging (ay. 3), namun dosa ini belum lagi dicabut akarnya atau dibasmi daripada tubuh manusia yang jatuh.
 2. Oleh itu, tubuh kita masih mati.
- G. Roh dalam Roma 8:10 ialah roh manusia yang dilahirukan, berlawanan dengan tubuh manusia yang jatuh.
- H. Roh ialah hayat kerana keadilbenaran merujuk kepada roh insani kita, bukannya merujuk kepada Roh Tuhan.
- I. Roh kita bukan sahaja telah dilahirukan dan dijadikan hidup; malah telah menjadi hayat:
1. Apabila kita percaya kepada Kristus, Dia masuk ke dalam roh kita sebagai Roh hayat divin lalu membaurkan diri-Nya dengan roh kita.
 2. Dengan itu dua roh ini menjadi satu roh—1 Kor. 6:17.
- J. Dalam justifikasi Tuhan, kita menerima keadilbenaran, iaitu Tuhan Tritunggal sendiri masuk ke dalam diri kita, ke dalam roh kita—Roma 8:10:
1. Keadilbenaran ini menghasilkan hayat—5:18, 21.
 2. Kini roh kita bukan sahaja hidup malah ialah hayat.
- VIII. “Jika Roh kepada Dia yang membangkitkan Yesus daripada yang mati huni dalam kamu, maka Dia yang membangkitkan Kristus daripada yang mati juga akan memberi hayat kepada tubuhmu yang akan mati menerusi Roh-Nya yang menghuni kamu secara dalaman”—8:11:**
- A. Dalam ayat ini kita ada keseluruhan Tuhan Tritunggal—“Dia yang membangkitkan Yesus daripada yang mati”, “Kristus”, dan “Roh-Nya yang menghuni kamu secara dalaman”.
- B. Kristus sedang mendispenkan diri-Nya ke dalam percayawan, seperti yang ditunjukkan oleh kata-kata *memberi hayat kepada tubuhmu yang akan mati*, menunjukkan bahawa pendispenan ini bukan sahaja berlaku dalam pusat diri kita tetapi juga sampai ke lilitannya, iaitu ke seluruh diri kita.
- C. *Memberi hayat* bukan merujuk kepada penyembuhan divin tetapi merujuk kepada hasil daripada kita membenarkan Roh Tuhan berumah dalam kita dan menepui seluruh diri kita dengan hayat divin.
- D. Dengan cara ini, Dia memberi hayat-Nya kepada tubuh kita yang akan mati, yang sedang mati, bukan sahaja untuk menyembuhkan tubuh malah menghidupkan tubuh untuk melaksanakan kehendak-Nya.